

**PERMOHONAN DIPELAWA KEPADA STAF AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN DAN
MEMENUHI KRITERIA UNTUK MEMOHON JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA), UNIVERSITI MALAYA**

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred	: Gred Utama B (VU6)
Tempoh Pelantikan	: Tiga (3) tahun, tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi

2. KRITERIA PEMILIHAN PENYANDANG

(1) Kriteria Umum

Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (UA) adalah seperti berikut:

- (a) **Kecemerlangan Akademik**
Mempunyai kelayakan Ph.D merupakan satu kelebihan, mendapat *command of respect* daripada kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam perkhidmatan profesional.
- (b) **Pengiktirafan Antarabangsa**
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- (c) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kemampuan calon.
- (d) **Reputasi**
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- (e) **Personaliti**
Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.

**PERMOHONAN DIPELAWA KEPADA STAF AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN DAN
MEMENUHI KRITERIA UNTUK MEMOHON JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA), UNIVERSITI MALAYA**

(2) Kriteria Khusus

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria seperti berikut:

(a) Mempunyai PhD dan Berkelayakan Profesional

Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilihan kenaikan pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD.

(b) Berpengalaman dalam Pembentukan Kurikulum (Curriculum Design)

Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Penyanggah bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum seimbang dan bersepadu. Penyanggah juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam reka bentuk kurikulum Universiti.

(c) Pakar Pengajaran dan Pembelajaran

Penyanggah juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran & pembelajaran. Penyanggah perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan Outcome Based Education.

(d) Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan

Penyanggah mestilah mempunyai rekod cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Guru, penyanggah bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyanggah hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, serta menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

(e) Pengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya

Penyanggah juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

(f) Hal Ehwal Antarabangsa

Penyanggah akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyanggah. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

**PERMOHONAN DIPELAWA KEPADA STAF AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN DAN
MEMENUHI KRITERIA UNTUK MEMOHON JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA), UNIVERSITI MALAYA**

3. SKOP TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

MELAPOR KEPADA : NAIB CANSOLOR

Bertanggungjawab membantu Naib Canselor dalam menentukan objektif dan hala tuju kegiatan akademik Universiti dan memberi kepimpinan untuk merealisasikan selaras dengan visi, misi dan nilai teras Universiti Malaya.

SKOP TUGAS YANG DITETAPKAN OLEH UNIVERSITI MALAYA

1. Merancang program akademik ke arah melahirkan pelajar yang berkakari yang dapat memenuhi keperluan profesional dan pasaran kerja.
2. Menentukan program kurikulum universiti dengan memberikan penekanan kepada pendidikan umum dan bersesuaian dengan falsafah pendidikan negara.
3. Menentukan dasar kemasukan pelajar selaras dengan matlamat universiti.
4. Mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa dan harmoni untuk melahirkan graduan yang cemerlang.
5. Menyediakan sumber-sumber pembelajaran yang mencukupi.
6. Merancang keperluan staf akademik dengan memantau aspek peluang kenaikan pangkat, mobiliti, latihan/pembangunan dan penilaian prestasi staf akademik.
7. Mempromosi dan meningkatkan kerjasama yang sedia ada dengan universiti-universiti luar negara.
8. Memperkukuhkan jalinan hubungan kerjasama yang sedia ada dengan universiti- universiti luar negara.
9. Meneroka peluang-peluang mendapatkan kepakaran teknikal dan sokongan untuk pembangunan latihan kakitangan akademik.
10. Mewujudkan peluang yang lebih luas khususnya untuk mobiliti pelajar dengan universiti luar negara.
11. Berusaha untuk menonjolkan kemudahan dan personaliti yang ada di universiti untuk menjadi rujukan universiti-universiti luar negara.
12. Meningkatkan peluang-peluang untuk memungkinkan tenaga manusia yang berkaliber dalam universiti sebagai pemimpin badan-badan tertentu di peringkat antarabangsa.
13. Berusaha menjadikan universiti yang diwakilinya sebagai pusat kecemerlangan yang akan menjadi tarikan kepada calon-calon pelajar dari luar negara untuk meneruskan pengajian mereka.
14. Membantu melaksanakan strategi antarabangsa dengan membina hubungan baik universiti dengan badan, persatuan, agensi dan institusi pengajian tinggi antarabangsa.

**PERMOHONAN DIPELAWA KEPADA STAF AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN DAN
MEMENUHI KRITERIA UNTUK MEMOHON JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA), UNIVERSITI MALAYA**

15. Menilai keberkesanan program-program antarabangsa dari semasa ke semasa.
16. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

4. MAKLUMAT EMOLUMEN

Gred Gaji	: Gred Utama B (VU6)	
Emolumen / Sebulan	: Gaji Minimum	: RM 8,650.00
	: Gaji Maksimum	: RM 24,030.00
Imbuhan Tetap / Sebulan	: Imbuhan Tetap Keraian	: RM 3,050.00
	: Imbuhan Tetap Perumahan	: RM 1,600.00
	: Imbuhan Tetap Gred Utama	: RM 1,500.00
	: Bayaran Pembantu Rumah	: RM 500.00
	: Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah	: RM 2,000.00 (setahun)

5. CARA MEMOHON

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

- (1) **Leadership Curriculum Vitae** (seperti format di lampiran).
- (2) **Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi** untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan Timbalan Naib Canselor yang diiklankan. Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpanduan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan; dan
- (3) **Laporan Perujuk Peribadi** yang boleh menyokong dan memberikan ulasan kesesuaian pemohon untuk menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor yang diiklankan. Perujuk Peribadi boleh mengemukakan laporan terus kepada Pengarah, Pusat Governan dan Hal Ehwal Lembaga, **selewat-lewatnya pada 03 Ogos 2026 (Isnin)**. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk memaklumkan perkara ini kepada Perujuk Peribadi yang dinamakan.



**PERMOHONAN DIPELAWA KEPADA STAF AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN DAN
MEMENUHI KRITERIA UNTUK MEMOHON JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA), UNIVERSITI MALAYA**

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan [melalui emel / hantaran tangan](#) ke alamat berikut:

Pn. Nurulhana Binti Shamsuddin
Pengarah
Pusat Governan dan Hal Ehwal Lembaga
Jabatan Governan dan Pentadbiran Organisasi
Portfolio Pendaftar
Aras 3, Canseleri
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur
E-mel : governan_pelantikan@um.edu.my

Tarikh tutup permohonan : 03 Ogos 2026 (Isnin), sebelum jam 5.00 petang.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pejabat Pusat Governan dan Hal Ehwal Lembaga Universiti Malaya seperti pada maklumat berikut:

Pusat Governan dan Hal Ehwal Lembaga
Jabatan Governan dan Pentadbiran Organisasi
Portfolio Pendaftar
Aras 3, Canseleri
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel. : 03-7967 6599 / 7721
E-mel : governan_pelantikan@um.edu.my